

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 11 MAC 2011
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

- Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT kerana diberi keizinan olehNya untuk sama-sama kita berkumpul pada pagi yang berbahagia ini. Pertemuan mingguan ini sesungguhnya memberikan kepuasan yang tidak ternilai kepada saya. Sesungguhnya, tempoh sekitar 1 jam untuk pertemuan ini bukan sahaja akan mendekatkan saya dengan warga UniMAP yang saya kasihi, malah pengisian pertemuan ini yang dimulakan dengan aktiviti senamrobik turut mendatangkan manfaat yang cukup besar buat kita semua.
- Adakah anda sedar, bahawa aktiviti senaman sekitar 30 minit sehari sangat penting untuk kekal sihat dan mengurangkan risiko kesihatan, dan sekiranya kita mampu menjadikannya rutin harian kita sekurang-kurangnya akan berada dalam kategori sihat sederhana.
- Pendapat ini sebenarnya adalah hasil penyelidikan Dr. Steven N. Blair. Pengarah Epidemiologi dan Aplikasi Klinikal di Institut Cooper Bagi Penyelidikan Aerobic di Dallas, Texas, USA.

- Menurut beliau dalam kajiannya, sememangnya sukar untuk mengurangkan berat badan tetapi seseorang itu masih boleh gemuk dan sihat dengan selalu bersenam. Manusia umumnya pantas menyalahkan obesiti bagi pelbagai penyakit kronik dan punca kematian sedangkan ketiadaan kegiatan fizikal yang turut sama bertanggungjawab bagi peningkatan bilangan kematian di dunia, tidak diberi perhatian.
- Maka atas sebab itulah, saya akan sentiasa mencari waktu terluang untuk kita berkumpul dan bersenam sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.

Ladies and Gentlemen,

- I have just returned from Cambodia with i-ENVEX 2011 delegates and Alhamdulillah, so far I am very satisfied with the entries received, especially from the foreign countries. As of today, 10 countries have confirmed their participations and it is a big improvement compared to only two countries at the invitation last year.
- Indeed, the involvement of international participants in the competition this time is in line with our vision and UniMAP strategic thrust which focuses on the international activities in enriching the knowledge of

internationalization and commercialization through research and innovation.

- And for that reason, we have to double up our efforts in drawing the participation of students from foreign universities, colleges and institutions. Congratulations to i-ENVEX Envex Young Researcher Club (EYReC) and the secretariat for their effort and hard work.

Hadirin hadirat sekalian

- Saya baru sahaja pulang dari Cambodia bersama-sama delegasi i-ENVEX 2011 dan Alhamdulillah, sehingga kini saya amat berpuas hati dengan penyertaan yang diterima terutama dari negara-negara luar. Sehingga hari ini, 10 buah negara telah mengesahkan penyertaan masing-masing dan ia merupakan peningkatan yang cukup besar berbanding hanya dua negara jemputan pada tahun lalu.
- Sesungguhnya, penglibatan peserta antarabangsa pada pertandingan kali ini adalah selaras dengan hasrat dan teras strategik UniMAP 2011-2015 yang member fokus kepada aktiviti pengantarabangsaan dan berusaha memperkaya ilmu dan pengkomersilan melalui aktiviti penyelidikan dan inovasi.

- Maka atas sebab itulah, pada tahun ini, kita melipatgandakan usaha untuk menarik penyertaan daripada pelajar dan penuntut universiti-universiti, kolej dan institusi pengajian dari negara-negara luar. Tahniah dan syabas buat Sekretariat i-ENVEX dan Envex Young Researcher Club (EYReC)
- Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah buat Unit Kajian Strategik yang berjaya menganjurkan Seminar Pemikiran Tun Dr. Mahathir bersempena dengan Istiadat Konvokesyen Khas.
- Alhamdulillah, saya difahamkan hampir 2,000 orang hadir memenuhi ruang Dewan 2020 untuk mendengar pelbagai perkongsian cerita dari insan-insan yang dekat dengan Tun Dr. Mahathir antaranya Tan Sri Sanusi Junid dan Tan Sri Abdul Aziz Shamsuddin.
- UKS juga turut berjaya menerbitkan sebuah buku “Mahathir di Dada Akhbar” yang mengandungi koleksi pilihan petikan kata Tun Dr. Mahathir di dada akhbar. Syabas dan tahniah. Semoga dengan adanya buku ini, dapat memberikan suntikan motivasi kepada kita untuk menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Seperti yang anda semua sedia maklum, UniMAP akan mengadakan istiadat Konvokesyen Khas pada 17 Mac ini (iaitu hari Khamis) bagi menganugerahkan Ijazah Kehormat Ulung Doktor Kejuruteraan kepada mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun. Dr. Mahathir Mohamad dan Ijazah Kehormat Ulung Doktor Sains kepada isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.
- Penganugerahan ini, merupakan sesuatu yang amat bersejarah, dan saya merasakan seluruh warga UniMAP pastinya tidak sabar untuk bertemu muka dengan mantan peneraju pentadbiran negara yang juga Bapa Pembangunan Moden.
- Justeru, saya amat berharap agar kita selaku penjawat awam akan menjaga susila serta menonjolkan sikap-sikap yang positif dikalangan tetamu yang bakal hadir kelak.
- Sentiasalah ramah dan menghulurkan bantuan sekiranya diperlukan. Kepada pegawai-pegawai yang bertugas sebagai Pegawai Pengiring, pastikan imej anda sentiasa kemas dan Info UniMAP sentiasa bersama anda.

- Jadi dalam ucapan ringkas ini, saya mengharapkan agar kita semua terus diberikan kesihatan yang baik dan sentiasa dalam rahmat dan perlindungan Allah untuk meneruskan bebanan tugas dan tanggungjawab yang terpikul di bahu kita untuk jangka masa yang lebih panjang lagi.

**Lebat kemiri pohonnya rendah,
Dahan terikat tali perkasa;
Sepuluh jari kami menadah,
Mohon berkat yang Maha Esa.**

Sekian,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.